

BANK ISLAM MENJADI BANK RASMI APLIKASI THENOOR

KUALA LUMPUR, Ahad, [14 Februari 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") baru-baru ini telah menandatangani perjanjian persefahaman ("MoU") bersama Noor Luminous Sdn Bhd ("Noor Luminous") bagi menawarkan kemudahan dan produk perbankan Islam melalui aplikasi digital baharu syarikat berkenaan yang dikenali sebagai TheNoor.

Pemeteraihan MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Mohd Noor Jab, Ketua Deposit dan Pengurusan Tunai Bank Islam bersama Mohd Izzairi Yamin, Ketua Pegawai Teknologi Noor Luminous, sambil disaksikan oleh Pengerusi Noor Luminous, Datuk Ahmad Tajuddin Idris, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed dan Noor Neelofa Mohd Noor yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Noor Luminous.

Dilancarkan pada Januari 2021, TheNoor adalah sebuah aplikasi gaya hidup Muslim yang menerapkan aspek-aspek kerohanian dalam kehidupan harian. Paparan aplikasi tersebut meliputi waktu solat, penentuan arah kiblat, pemain media serta terjemahan ayat-ayat suci al-Quran kepada lima bahasa (Melayu, Mandarin, Tamil, Inggeris dan Indonesia). Ia juga menyediakan koleksi hadis dan maklumat pelancongan bagi rujukan pengguna, selain berperanan sebagai sebuah platform e-dagang.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Menerusi kerjasama ini, Bank Islam dilantik sebagai Bank Rasmi TheNoor. Ia membolehkan kami menyediakan pelbagai kemudahan dan produk perbankan Islam, termasuk pengurusan tunai, pembiayaan peribadi, kenderaan dan perumahan pada kadar istimewa serta pembiayaan perniagaan kepada ejen dan stokis Nilofa Group."

Bank Islam menyasarkan untuk meraih seramai 500,000 pelanggan baharu dengan penawaran gerbang pautan kepada pelbagai produk dan perkhidmatan seperti pembiayaan runcit; perusahaan kecil dan sederhana ("PKS"); takaful; kad kredit dan

debit serta pembukaan akaun dalam tempoh 12 bulan akan datang melalui aplikasi baharu ini. Pada masa sama, Bank Islam juga akan meneroka peluang untuk memperluaskan kerjasama bersama syarikat tersebut pada masa hadapan.

Mohd Muazzam menambah, "Bank Islam amat berbesar hati kerana berpeluang untuk menyokong usahawan tempatan dalam mengembangkan perniagaan serta membina satu ekosistem yang dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menjadi usahawan agar dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka."

"Kerjasama yang dimeterai dengan Noor Luminous baru-baru ini juga sejajar dengan hala tuju pendigitalan Bank Islam yang bertujuan untuk membawa inovasi pada tawaran perbankan kami agar menepati kehendak, keperluan dan cita rasa semasa pelanggan. Melalui aplikasi TheNoor, Bank Islam dapat memanfaatkan platform ini untuk mencapai jaringan pelanggan baharu yang lebih luas dan meningkatkan akses perbankan pelanggan. Dengan ketersediaan aplikasi ini, para pelanggan kini boleh memohon kemudahan dan produk Bank Islam di mana-mana sahaja, serta pada bila-bila masa."

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com .	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---